

31 MAR 2000

1st LEAD Umno-pencalonan

NAPSIAH PERLUKAN TIGA PENCALONAN LAGI

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Penyandang naib ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Napsiah Omar memerlukan tiga lagi pencalonan bagi membolehkan beliau bertanding mempertahankan jawatan itu pada pemilihan parti Mei ini.

Setakat ini 157 Pergerakan Wanita Umno sudahpun menyelesaikan mesyuarat perwakilan masing-masing dan tinggal hanya lapan lagi untuk berbuat demikian.

Jika Napsiah gagal memperolehi tiga lagi pencalonan itu maka beliau terkeluar daripada senarai untuk bertanding bagi jawatan berkenaan.

Untuk jawatan itu, timbalan menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil mendapat satu lagi pencalonan daripada bahagian Pengkalan Chepa, satu-satunya bahagian yang mengadakan mesyuaratnya hari ini.

Pencalonan yang diperolehinya setakat ini ialah 86 sementara pencabar terdekatnya Ketua Wanita Perak, Ainon Khariyah Mohd Abas mendapat 48 pencalonan.

Bagi jawatan ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz mendapat satu lagi pencalonan daripada Pengkalan Chepa dan bilangan pencalonan yang diperolehi setakat ini ialah 89 sementara penyandang Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman kekal 68 pencalonan.

Bagi mesyuarat Umno bahagian pula, 10 daripada 11 Umno bahagian yang mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing hari ini memberi sokongan padu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan presiden dan timbalan presiden Umno pada pemilihan parti Mei ini.

Kedua-dua pemimpin tertinggi parti itu menerima pencalonan daripada bahagian Kota Bharu, Dungun, Kubang Kerian, Kulim-Bandar Baharu, Kinabalu, Keningau, Tumpat, Pengkalan Chepa, Machang dan Kepong.

Hanya Umno bahagian Gua Musang yang tidak membuat pencalonan bagi kedua-dua jawatan tertinggi Umno itu serta naib presiden dan majlis tertinggi. Sebaliknya bahagian itu menyerahkan kepada Jawatankuasa Umno bahagian untuk menentukan calon-calon berkenaan.

Dengan mesyuarat hari ini jumlah pencalonan yang diterima Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing 149 dan 148.

Bagi jawatan naib presiden penyandang Datuk Seri Najib Razak kini mendapat 137 pencalonan, Datuk Abdul Ghani Othman (74), Datuk Abu Hassan Omar (50), Datuk Osu Sukam (36), Datuk Seri Syed Hamid Albar (32), Tan Sri Muhyiddin Yassin (31), penyandang Tan Sri Muhammad Muhammad taib (26), Tan Sri Mohd Isa Samad (25), Datuk Dr Rais Yatim (21) dan Tengku Razaleigh Hamzah (13).

Hanya tinggal 14 Umno bahagian yang belum mengadakan mesyuarat perwakilan mereka.

--BERNAMA

ara ZB